

**KENYATAAN YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI
MESYUARAT MAJLIS PENUH
25 OKTOBER 2018**

.....

1. MPSP MEMENANGI *DIAMOND RECOGNITION CERTIFICATE FOR LOW CARBON CITIES FRAMEWORK (LCCF)* OLEH MALAYSIA *GREENTECH CORPORATION*

Dimaklumkan MPSP telah dianugerahkan Diamond Recognition Certificate for Low Carbon Cities Framework (LCCF) oleh Malaysia Greentech Corporation semasa The 9th International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia 2018 (IGEM 2018) yang dianjurkan di Kuala Lumpur Convention Centre pada 18 Oktober 2018. Antara usaha yang dijalankan oleh MPSP adalah pengurusan tenaga dan air yang efisien, pemasangan solar panel yang merupakan sumber tenaga boleh diperbaharui, program penanaman pokok, aktiviti Cycle to Work serta mengurangkan penjanaan sisa di Menara MPSP. MPSP Berjaya mengurangkan sebanyak 4.95% bersamaan dengan 77.30 tan CO₂e pelepasan karbon.

2. OPERASI SERAHAN WARAN TAHANAN

Dimaklumkan bahawa Operasi Serahan Waran Tahanan telah mula dilaksanakan pada 22 Oktober 2018 ke atas pemilik premis yang masih belum menjelaskan tunggakan cukai taksiran selepas tempoh yang telah ditetapkan. Pemilik premis dinasihatkan agar menjelaskan tunggakan cukai taksiran dengan kadar SEGERA bagi mengelakkan pemilik premis dikenakan waran tahanan dan sitaan harta alih oleh MPSP.

Semakan dan bayaran boleh dibuat di kaunter bayaran MPSP di Bandar Perda, kaunter cawangan Kampung Jawa, Butterworth dan kaunter cawangan Jawi atau secara online di laman web MPSP iaitu www.mpsp.gov.my serta pembayaran melalui perbankan atas talian di 16 buah bank yang dilantik. Agensi-agensi kutipan yang dilantik adalah Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Bank Rakyat, PDC, PBA dan Pos Malaysia. Sila hubungi di talian 04-5497790 / 470 / 471 untuk pertanyaan serta maklumat lanjut mengenai cukai taksiran anda.

3. PROGRAM FOREST BATHING DI HUTAN SIMPAN JURU

Program Forest Bathing akan diadakan pada 3 November 2018 bertempat di Hutan Simpan Bukit Juru, Jalan Sungai Semilang, Seberang Perai Selatan. Dijadualkan program akan berjalan

seawal 8.00 pagi. Forest Bathing merupakan satu konsep yang mula-mula diperkenalkan di negara Jepun pada tahun 1980 an dengan gelaran dalam bahasa Jepun sebagai “Shirin-Yoku”.

lanya telah menjadi asas penjagaan kesihatan, pencegahan dan penyembuhan dalam perubatan Jepun yang melibatkan satu aktiviti riadah / rekreasi ringkas sambil menghirup udara segar di kawasan hutan hijau sedia ada. Program Forest Bathing ini adalah sejajar dengan Penang 2030 iaitu menjadikan Pulau Pinang pintar, hijau dan mesra keluarga (A family focused green and smart city). Oleh itu, semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

4. MPSP CAR FREE MORNING PADA 4 NOVEMBER 2018 (AHAD)

Dimaklumkan bahawa program sihat MPSP akan diadakan pada 4 November 2018 (Ahad) di Jalan Todak 2 dan 3, Seberang Jaya bermula 7.30 pagi hingga 12.00 tengah hari. Teman pada kali ini adalah sambutan Hari Deepavali.

Selain daripada itu, terdapat aktiviti senamrobik yang lebih santai, pemeriksaan kesihatan, pameran perkhidmatan MPSP dan lain-lain lagi acara menarik. Semua penduduk Seberang Perai dijemput hadir bagi memeriahkan program ini.

5. SAMBUTAN HARI DEEPAVALI

Dikesempatan ini juga, saya turut ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Deepavali kepada penduduk Seberang Perai yang menganut agama Hindu. Hari Deepavali disambut pada 6 November 2018 (Selasa). Hari tersebut merupakan hari cuti umum.

6. GROWTH MARKET, AUTOCITY

Dimaklumkan bahawa Program Growth Market akan diadakan pada 11 November 2018 di Autocity, Juru bermula jam 8.00 pagi hingga 12 tengah hari. Program ini diadakan setiap Ahad minggu kedua, program ini bertujuan mewujudkan kesedaran kepada pengunjung mengenai kesedaran kitar semula dan penanaman secara organik. Ianya selari dengan Pelan Strategi Seberang Perai 2018-2022, MPSP mensasarkan Seberang Perai akan menjadi Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan adalah jualan produk berasaskan barangan kitar semula, sayur-sayuran organik, pameran kesihatan dan pameran LA 21 (Local Agenda 21). Program ini secara tidak langsung dapat membantu penduduk mencari pendapatan sampingan. Sehubungan dengan itu, tuan-

tuan dan puan-puan adalah dijemput untuk turut serta dalam program ini.

7. SAMBUTAN MAULID MUHAMMAD S.A.W.

Dimaklumkan bahawa Sambutan Maulid Muhammad S.A.W jatuh pada 20 November 2018 (Selasa) dan ianya merupakan Hari Cuti Umum. Maulid Muhammad S.A.W. turut dipanggil Maulidur Rasul iaitu hari bersejarah Keputeraan Nabi Muhammad yang jatuh pada setiap 12 Rabiulawal. Pada setiap tahun, Umat Islam di seluruh dunia akan mengadakan beberapa acara seperti perarakan, ceramah dan sebagainya.

8. SENAMROBIK BERSAMA MPSP

Dimaklumkan Program Senamrobik Bersama MPSP di Padang Pemuda Merdeka, Butterworth yang juga dikenali sebagai Padang Bandaran MPSP akan diadakan pada 18 November 2018 (Ahad). Manakala Senamrobik di Taman Berjaya, Nibong Tebal akan diadakan pada 25 November 2018 (Ahad). Sehubungan dengan itu, semua penduduk Seberang Perai adalah dijemput untuk turut serta dalam aktiviti kecergasan ini yang akan dimulakan pada jam 7:30 pagi.

9. KARNIVAL 8R BERSAMA JCI (JUNIOR CHAMBER INTERNATIONAL) BATU KAWAN

Dimaklumkan setiap Ahad minggu terakhir akan diadakan Karnival 8R anjuran bersama JCI Batu Kawan. Karnival 8R ini akan dijalankan pada 25 November 2018, diadakan di Pasar Awam Kota Permai. Tujuan Karnival ini diadakan adalah untuk mewujudkan kesedaran akan kepentingan penggunaan bijak (smart consumption) bagi penjagaan alam sekitar demi masa hadapan. 8R yang dimaksudkan adalah Rethink, Refuse, Reduce, Re-use, Repair, Re-gift, Recover dan Recycle.

SEKIAN, TERIMA KASIH.